



Bank Pilihan Anda

SIARAN MEDIA BERSAMA

SEMINAR KESEDARAN WAKAF PERINGKAT KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)

*Produk Kerjasama Tunai Wakaf Bank Rakyat - Yayasan Waqaf Malaysia Agih RM20,000
Dana Tunai Wakaf Bagi Tujuan Pembangunan Sistem Solar*

Putrajaya, 27 Mei 2025 - Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) bersama agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BR) terus memperkukuhkan potensi wakaf melalui penganjuran Seminar Kesedaran Wakaf Peringkat KUSKOP pada hari ini.

Menerusi program ini juga, Bank Rakyat bersama YWM turut mengagihkan dana tunai wakaf menerusi produk kerjasama mereka iaitu Tunai Wakaf Bank Rakyat - Yayasan Waqaf Malaysia. Untuk makluman, **produk kerjasama ini menggunakan konsep di mana pewakaf menyerahkan sejumlah wang untuk dikekalkan dan wang tunai tersebut dikenali sebagai ayn wakaf. Wang tunai ini kemudiannya akan dilaburkan dalam produk-produk perbankan patuh syariah dan hasil yang diperolehi akan diiktibarkan sebagai dana manfaat wakaf.**

Menerusi produk yang sama, **Bank Rakyat juga menawarkan dana wakaf sebanyak RM1 juta sebagai geran sepadan di mana bagi setiap ringgit yang disumbangkan oleh pewakaf individu ke platform yang disediakan oleh Bank Rakyat, Bank Rakyat akan mewakafkan pada nilai yang sama kepada Dana Wakaf Tunai ini.**

Program ini telah disempurnakan oleh YBrS. Puan Noor Afifah Binti Abdul Razak, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Pemantauan) KUSKOP dan turut dihadiri oleh Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif YWM dan Al - Fadil Ustaz Mohd Zamerey bin Abdul Razak, Ketua Pegawai Syariah Bank Rakyat.

Menerusi program ini juga, **sebanyak RM20,000 dana tunai wakaf hasil daripada produk Tunai Wakaf BR - YWM ini telah diagihkan bagi tujuan pembangunan projek Sistem Solar PV di Masjid Teluk Intan, Perak.** Bagi menyokong inisiatif Wakaf Masjid Hijau ini, Bank Rakyat menerusi inisiatif Jariah Al-Barakah turut berbesar hati menyumbangkan dana wakaf tambahan sebanyak RM30,000 bagi menampung keperluan pembangunan sistem solar di Masjid Teluk Intan, Perak.

Menerusi ucapan perasmian, YBrs. Puan Afifah menyeru semua agensi di bawah KUSKOP untuk :

- 1. Melaksanakan sistem potongan gaji wakaf secara dalaman;**
- 2. Menetapkan sasaran kutipan wakaf tahunan atau suku tahunan; dan**
- 3. Menjadikan wakaf sebagai sebahagian daripada budaya organisasi dan program pembangunan insan.**

YBrs. Encik Abdul Halim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif YWM dalam ucapannya turut mengalu-alukan sokongan yang berterusan daripada KUSKOP dan semua agensi dibawahnya agar inisiatif wakaf yang diwujudkan ini dapat dimanfaatkan secara maksima untuk pembangunan sosioekonomi ummah.

Menerusi komitmen sinergi antara YWM bersama KUSKOP dan semua agensi di bawahnya dalam memperkasa wakaf ini, membolehkan semua lapisan masyarakat mendapat manfaat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

Yayasan Waqaf Malaysia
27 Mei 2025

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

Cik Nur Ain binti Mohd Nazri
Eksekutif Media Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my